

# 16 pemilik setuju POA

**K**UALA LUMPUR: Sebanyak 16 daripada 24 pemilik tanah di Jalan Sultan, di sini, sudah menandatangani perjanjian titik lokasi (POA) dengan MRT Corporation (MRT Corp) bagi membolehkan pembinaan projek My Rapid Transit (MRT) dijalankan.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid berkata, tiga lagi pemilik tanah juga sudah menyatakan persetujuan untuk menandatangani POA manakala dua lagi membenarkan pengambilalihan semula tanah oleh kerajaan.

Katanya, pihaknya hanya menghadapi masalah dengan tiga lagi pemilik tanah yang enggan menandatangani POA dan akan mengadakan perbincangan selanjutnya sehingga membolehkan perjanjian itu membentuk asas bagi penyelesaian masalah kepada semua pihak.

Menurutnya, perjanjian ini sebagai langkah ke arah perjanjian bersama yang akan mempercepatkan pelaksanaan projek infrastruktur awam terbesar negara.